

09/05/2000

Proton belanja RM970 juta hasilkan dua model Waja

Badrila Jamlus

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Bhd (Proton), sekali lagi melakar sejarah dalam industri automotif negara apabila memperkenalkan dua model terbarunya Proton Waja 1.6 liter dan 1.8 liter yang juga kereta nasional pertama direka bentuk sepenuhnya oleh rakyat Malaysia.

Pengenalan dua model baru itu pada harga yang berdaya saing sekali gus mengikis tanggapan umum bahawa mutu kereta Proton termasuk model sebelum ini tidak seperti yang diharapkan.

Sesungguhnya, Proton berjaya membuktikan kepada dunia bahawa tanggapan itu tidak benar kerana anak tempatan juga mampu mereka bentuk sebuah kereta yang bercirikan identiti nasional serta mampu dimiliki oleh rakyat.

Ketua Eksekutif Proton, Tengku Datuk Mahaleel Tengku Ariff, berkata program pembuatan kereta yang menggunakan kod nama GX 2000 itu bermula pada Jun 1996 dengan membabitkan tenaga jurutera daripada Bahagian Reka bentuk dan Penyelidikan seramai 300 orang.

Beliau berkata, jurutera terbabit menerima latihan kejuteraan daripada pengeluar kereta terkemuka dunia iaitu Mitsubishi Motor Corporations dan Lotus Engineering bagi memastikan kereta terbaru itu mempunyai tahap mutu yang boleh diyakini.

"Pengeluaran model baru ini membabitkan kos pembangunan RM970 juta dengan 1.7 juta jam kerja kejuruteraan.

"Proton turut membuat pelaburan tambahan lebih RM400 juta dalam meningkatkan kemudahan di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dengan teknologi terkini industri automotif yang paling moden di Asia," katanya pada majlis pratonton model terbaru Proton Waja oleh media tempatan di Shah Alam, Selangor, Jumaat lalu.

Proton Waja dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Malawati, Shah Alam, semalam.

Proton Waja ditawarkan dalam dua model iaitu 1.6 liter yang menggunakan enjin Mitsubishi Suntikan Pelbagai Titik (MPI) manakala model 1.8 liter dijana dengan enjin pengeluar kereta terkemuka dari Perancis, Renault.

Orang ramai juga mempunyai pilihan transmisi sama ada manual lima kelajuan dan transmisi automatik empat kelajuan menjadikan kereta itu cukup bergaya dan berupaya memberikan kepuasan dalam pemanduan.

Dengan konsep pemanduan 'Selamat dan Berada Dalam Kawalan' Proton menghadiahkan kepada rakyat Malaysia sebuah kereta yang selamat untuk dipandu tanpa meninggalkan ciri sebuah kereta yang eksklusif khususnya kepada golongan eksekutif mahupun mereka yang sudah berkeluarga.

Enjin jenis 1.6 MPI S4 dan 1.8 liter yang digunakan itu adalah antara enjin petrol yang paling bersih di negara ini dan memenuhi piawai yang ditetapkan oleh European Step 111 2001.

Bagaimanapun, ketika ditanya mengenai harga bagi kedua-dua model itu, Tengku Mahaleel berkata, kereta itu akan ditawarkan pada harga yang berdaya saing kerana menggunakan kira-kira 95 peratus komponen tempatan dan dianggarkan berharga di RM60,000 ke atas, sekali gus mampu dimiliki oleh rakyat Malaysia.

Reka bentuk bahagian hadapannya agak lebar seakan sebuah model kereta dari Itali, Alfa Romeo manakala bahagian belakangnya lebih bergaya dengan lampu brek ketiga dipadankan pada bonet kereta itu.

Pembeli juga ditawarkan empat beg udara keselamatan termasuk beg udara sisi dan sistem kawalan brek anti kekunci (ABS) selain kuasa kawalan pemanduan yang ditingkatkan dengan kerjasama kejuruteraan dari Lotus

Engineering United Kingdom.

Dengan kelajuan maksimum 186 kmj, Waja 1.6 liter transmisi manual lima kelajuan itu hanya memerlukan 12 saat untuk mencapai 0-100 km sejam selain memberi penjimatan pada bahan api iaitu 6.1 liter bagi jarak perjalanan sejauh 100 kilometer.

Proton turut menitikberatkan kekemasan ruang dalaman khususnya panel meter yang lebih kemas dengan menggunakan sistem digital bagi mengukur jarak perjalanan manakala sistem kawalan bunyi stereo pula boleh dikawal pada stereng kereta itu.

Ternyata di sini, kereta itu berupaya menawarkan banyak kelebihan berbanding model kereta sedan lain yang setanding dalam kelasnya sekali gus membuktikan semangat Malaysia Boleh.

Ketika ditanya mengenai maksud nama Waja dan lambang kepala Harimau pada model baru Proton itu, Tengku Mahaleel berkata nama itu dipilih daripada kira-kira 100 nama yang dicadangkan oleh kumpulan sasaran dan golongan akademik.

"Waja melambangkan keberanian, kekuatan dan penggunaan logo kepala Harimau membuktikan satu jenama yang kukuh dan setanding dengan jenama pengeluar kereta lain di dunia.

"Ini dapat dibuktikan apabila struktur reka bentuk dan badan Proton Waja adalah dua kali lebih kukuh berbanding model Proton yang sedia ada di pasaran ketika ini," katanya.